



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (45)

Tarikh : 22 Oktober 2015

SIARAN MEDIA

PENERAPAN BUDAYA KREATIVITI DAN INOVASI DALAM PERKHIDMATAN TERAS

Putrajaya, 22 Oktober 2015 - YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) YBhg. Datuk Abdul Rahman bin Dahlan akan merasmikan majlis sambutan Hari Inovasi peringkat Kementerian pada petang ini. Majlis kali ini yang membawa tema **Budayakan Inovasi Merealisasikan Transformasi**” dianjurkan secara tahunan bagi menggalakkan penghasilan inovasi kreatif dari pelbagai jabatan dan agensi Kementerian yang akan digunapakai dalam meningkatkan kualiti pelaksanaan perkhidmatan teras Kementerian kepada rakyat.

Kategori Hybrid yang baru diperkenalkan di peringkat Kementerian tahun ini adalah merupakan antara tarikan utama sambutan, dimana 2 agensi Kementerian yang berbeza fungsi telah bekerjasama untuk mencipta satu inovasi baru dan terdapat 4 kumpulan yang bertanding bagi kategori ini. Selain itu, majlis sambutan yang julung kali diadakan bersama Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) turut merekodkan penyertaan terbanyak iaitu 18 pasukan yang mempamerkan hasil kreatif dan inovasi mereka di pameran di ruang legar lobi utama KPKT dan ruang legar Dewan Kristal. Selaras dengan objektif membudayakan inovasi serta meningkatkan kualiti dan sistem penyampaian perkhidmatan, KPKT turut menerima penyertaan dari 19 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari seluruh negara yang bertanding bagi Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) dan 6 buah PBT yang telah disenarai pendek sebagai penerima AIPBT ini.

Selaras dengan agenda transformasi negara, hasil inovasi daripada program ini akan terus digunakan bagi menambahbaik proses pelaksanaan perkhidmatan teras KPKT kepada rakyat. Inovasi yang telah dihasilkan dalam sambutan yang lepas, IGNIS Rescue Raft 09 oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa di *42nd International Exhibitions of Inventions of Geneva* selain menarik minat negara-negara lain untuk turut menggunakan inovasi ini. Produk inovasi lain adalah Infynity, sebuah aplikasi telefon pintar untuk rujukan rancangan pemajuan oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti Badan Kerajaan, pemaju dan orang awam telah mula digunakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Selangor dan dalam proses penyeragaman untuk digunakan oleh JPBD negeri-negeri lain.

Selain dari anugerah utama KIK ini, dua lagi pengiktirafan lain sempena Sambutan Hari Inovasi KPKT kali adalah Pertandingan Pejabat Terbaik KPKT 2015 dan Anugerah Inovasi Menteri (AIM) 2015.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my